

PERATURAN PERTANDINGAN
KEJOHANAN GOLF
PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA 2024
(SEMPENA MESYUARAT AGUNG PBBM)

1.0 NAMA

- 1.1 Pertandingan ini dinamakan Kejuhanan Golf Persatuan Badan Berkanun Malaysia 2024 (sempena Mesyuarat Agung PBBM ke-41) yang akan diadakan di IOI Palm Villa Golf & Country Club, Kulai , Johor dan dikelolakan oleh **Universiti Teknologi MARA (UiTM)** dan **Institut Sukan Negara (ISN)**. (selepas ini disebut Jawatankuasa Pengelola)
- 1.2 Pertandingan akan dijalankan selama satu hari iaitu pada **30 November 2024 (Sabtu). Tee-Off (8.00 pagi)**

2.0 UNDANG-UNDANG / PERATURAN

- 2.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh "The Royal and Ancient Golf Club of St. Andrew" dan Undang-undang tempatan ("Local Rules") dan Peraturan Am & Permainan Kejuhanan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia.
- 2.2 Setiap agensi/organisasi adalah bertanggungjawab menentukan bahawa hanya kakitangan yang layak sahaja didaftarkan untuk mewakili pasukan masing-masing. Jika ada pemain yang didapati tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan, maka pemain tersebut dan pasukan yang diwakili akan dianggap terbatal dari kejuhanan.
- 2.3 Susunan kawan (flight) dan lapangan bagi setiap pemain akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 2.4 Jawatankuasa Pengelola berhak mengubah susunan kawan (flight) pemain-pemain sebelum pertandingan dimulakan dan membuat apa-apa keputusan yang perlu dan bersesuaian dengan keadaan semasa tanpa prejudis.
- 2.5 Pemain-pemain hendaklah melapor diri sebelum tee-off bermula. Pemain yang lewat melapor diri dari masa yang ditetapkan akan dibatalkan penyertaan.

3.0 PENYERTAAN DAN KELAYAKAN PEMAIN

- 3.1 Kejohanan ini terbuka kepada semua agensi/organisasi di bawah Persatuan Badan Berkanun Malaysia.
- 3.2 Setiap pasukan boleh mendaftar maksima (1 pasukan GROSS & 1 Pasukan NETT & 2 orang Individu VIP) bagi membolehkan pasukan berkenaan bertanding untuk penentuan "Juara Keseluruhan" seperti berikut dan bagi pasukan yang kekurangan pemain boleh menghantar salah satu kategori tersebut:

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pasukan Gross	4 orang
2	Pasukan Nett	4 orang
3	Individu VIP	2 orang
JUMLAH		10 orang

- 3.3 Semua pemain berpasukan adalah layak secara automatik menyertai acara individu.
- 3.4 Bagi **kategori NETT**, agensi/organisasi perlu menyerahkan handicap rasmi MGA beserta no. handicap pemain kategori tersebut. Jika tiada handicap rasmi dari MGA, handicap "0" akan digunakan bagi handicap pemain tersebut pada hari kejohanan. Minima handicap 18 bagi lelaki dan 24 bagi pemain wanita akan diambil kira bagi perkiraan markah. Pengurus perlu memastikan handicap yang diserahkan adalah handicap rasmi terkini 3 bulan dari tarikh pertandingan.
- 3.5 **Kategori VIP** – Hanya Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif sesebuah agensi/organisasi atau Pengarah Bahagian sahaja yang layak menyertai.
- 3.6 Penyertaan untuk kejohanan ini, selain daripada kategori VIP (maksima 20 orang), adalah terhad kepada 80 orang pemain sahaja dan berdasarkan "*first come first serve basis*". Pengesahan penyertaan dari setiap agensi/organisasi adalah apabila pihak pengelola menerima pengesahan melalui "*sport championship management system*" di laman sesawang www.scms.uitm.edu.my
- 3.7 Tarikh tutup penyertaan adalah pada 11 November 2024.

4.0 YURAN PENYERTAAN

- 4.1 **RM2,500.00** per pasukan bagi kategori GROSS, **RM2,500.00** per pasukan bagi kategori NETT manakala **RM1,100.00** per orang bagi kategori VIP.
- 4.2 Yuran tersebut meliputi yuran padang, yuran buggy, sarapan pagi, makan tengah hari dan insurans. Bayaran hendaklah dibuat secara cek / wang tunai / "online transfers" / kiriman wang atas nama **PERSATUAN BADAN BERKANUN MALAYSIA, No. Akaun 1010 9410 0016 7226 (Bank Simpanan Nasional)**

5.0 KATEGORI PERTANDINGAN

- 5.1 Kategori pertandingan dibahagikan kepada
 - 5.1.1 NETT Berpasukan
 - 5.1.2 GROSS Berpasukan
 - 5.1.3 Individu NETT
 - 5.1.4 Individu GROSS
 - 5.1.5 Individu VIP
 - 5.1.6 Juara Keseluruhan
- 5.2 Pelepasan bermain adalah mengikut "shot gun";

6.0 SYARAT & PENENTUAN PEMENANG

- 6.1 Kategori NETT Berpasukan
 - 6.1.1 Jumlah skor NETT (Stroke Play) bagi empat (4) pemain akan diambil kira;
 - 6.1.2 Pemenang akan dikira berdasarkan jumlah skor NETT (Stroke Play) terendah bagi 4 pemain pasukan, 1 pusingan 18 lubang (berdasarkan System Stroke Play dengan perkiraan handicap yang diserahkan dan tidak melebihi 18 bagi lelaki dan 24 bagi wanita)
 - 6.1.3 Sekiranya keputusan pertandingan berakhir dengan seri, pemenang akan ditentukan dengan mengambil kira jumlah pukulan NETT terendah bagi tiga (3) orang pemain NETT terbaik, sekiranya keputusan masih seri ditentukan dengan dua (2) orang pemain NETT terbaik dan sekiranya masih seri ditentukan oleh seorang (1) pemain NETT terbaik. Sekiranya masih seri pemenang diputuskan dengan OCB seorang pemain NETT terbaik berdasarkan seperti susunan berikut:

- 6.1.3.1 9 lubang terakhir (lubang 10-18)
- 6.1.3.2 6 lubang terakhir (lubang 13-18)
- 6.1.3.3 3 lubang terakhir (lubang 16-18)
- 6.1.3.4 Lubang terakhir (lubang 18)

6.2 Kategori GROSS Berpasukan

- 6.2.1 Jumlah skor GROSS (Stroke Play) bagi empat (4) pemain akan diambil kira;
- 6.2.2 Pemenang akan dikira berdasarkan jumlah skor GROSS (Stroke Play) terendah bagi 4 pemain pasukan, 1 pusingan 18 lubang;
- 6.2.3 Sekiranya keputusan pertandingan berakhir dengan seri, pemenang akan ditentukan dengan mengambil kira jumlah pukulan GROSS terendah bagi tiga (3) orang pemain GROSS terbaik, sekiranya masih seri ditentukan dengan dua (2) orang pemain GROSS terbaik dan sekiranya masih seri ditentukan oleh seorang (1) pemain GROSS terbaik. Sekiranya masih seri pemenang diputuskan dengan OCB seorang pemain GROSS terbaik berdasarkan seperti susunan berikut:

- 6.2.3.1 9 lubang terakhir (lubang 10-18)
- 6.2.3.2 6 lubang terakhir (lubang 13-18)
- 6.2.3.3 3 lubang terakhir (lubang 16-18)
- 6.2.3.4 Lubang terakhir (lubang 18)

6.3 Kategori Individu NETT

- 6.3.1 Pemenang Individu NETT adalah berdasarkan jumlah skor NETT (Stroke Play) terendah untuk 18 lubang (berdasarkan System Stroke Play dengan perkiraan handicap yang diserahkan dan tidak melebihi 18 bagi lelaki dan 24 bagi wanita)
- 6.3.2 Sekiranya keputusan seri, pemenang akan diputuskan dengan OCB berdasarkan seperti susunan berikut:
 - 6.3.2.1 9 lubang terakhir (lubang 10-18)
 - 6.3.2.2 6 lubang terakhir (lubang 13-18)
 - 6.3.2.3 3 lubang terakhir (lubang 16-18)
 - 6.3.2.4 Lubang terakhir (lubang 18)

6.4 Kategori Individu GROSS

- 6.4.1 Pemenang Individu Gross adalah berdasarkan jumlah skor GROSS (Stroke Play) terendah untuk 18 lubang.

6.4.2 Sekiranya keputusan seri, pemenang akan diputuskan dengan OCB berdasarkan seperti susunan berikut:

6.4.2.1 9 lubang terakhir (lubang 10-18)

6.4.2.2 6 lubang terakhir (lubang 13-18)

6.4.2.3 3 lubang terakhir (lubang 16-18)

6.4.2.4 Lubang terakhir (lubang 18)

6.5 Kategori Individu VIP

6.5.1 Pemenang Individu VIP adalah berdasarkan "System Stableford 36 Handicap off The Day" 18 lubang dengan maksimum handicap 24 bagi lelaki dan 36 bagi wanita.

6.5.2 Sekiranya keputusan seri, pemenang akan diputuskan dengan OCB berdasarkan seperti susunan berikut:

6.5.2.1 9 lubang terakhir (lubang 10-18)

6.5.2.2 6 lubang terakhir (lubang 13-18)

6.5.2.3 3 lubang terakhir (lubang 16-18)

6.5.2.4 Lubang terakhir (lubang 18)

6.6 PENENTUAN JUARA KESELURUHAN

6.6.1 Penentuan Juara Keseluruhan Kejohanan Golf Persatuan Badan Berkanun Malaysia 2024 (sempena Mesyuarat Agung PBBM ke-41) akan ditentukan berdasarkan jumlah pungutan pingat Emas (Berpasukan, Individu & VIP) yang diraih.

6.6.2 Sekiranya masih seri, jumlah pungutan pingat Perak (tempat kedua) akan diambil kira dan seterusnya pungutan pingat Gangsa (tempat ketiga).

6.6.3 Sekiranya masih seri, pemenang tempat keempat akan diambil kira dan seterusnya sehingga Juara Keseluruhan Kejohanan Golf Persatuan Badan Berkanun Malaysia 2024 (sempena Mesyuarat Agung PBBM ke-41) dapat diputuskan.

7.0 ACARA PERTANDINGAN / JADUAL PERMAINAN

7.1 Pertandingan ini akan dijalankan secara 1 pusingan, 18 lubang (1 hari).

8.0 PERALATAN PERTANDINGAN, GAJET DAN CADDY

8.1 Pakaian yang sesuai dan dibenarkan oleh MGA

- 8.2 Penggunaan gajet, jam dan apa jua aplikasi adalah dibenarkan tetapi hanya terhad untuk jarak sahaja.
- 8.3 Penggunaan khidmat 'caddy" hanya diwajibkan (disediakan) untuk kategori VIP. Bagi pemain yang ingin menggunakan khidmat "caddy" boleh berurusan secara terus dengan kelab golf.

9.0 KEPUTUSAN / PERTANDINGAN TERGENDALA

- 9.1 Jawatankuasa Pengelola akan memutuskan kaedah pengiraan sekiranya pertandingan tidak dapat ditamatkan untuk permainan 18 lubang. (suspension of play due to weather condition) dan keputusannya adalah muktamad.